

27/01/2003

Malaysia panggil rakyat di Iraq pulang jika perang

SUBANG: Malaysia akan memanggil pulang kakitangannya dan memindahkan rakyat termasuk pelajarinya di Iraq dan negara jiran berdekatan jika pasti perang akan dilancarkan ke atas Iraq, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata, ia tidak membabitkan rakyat dan pelajar Malaysia di Amerika Syarikat.

Katanya, tindakan Washington mengeluarkan arahan kepada rakyatnya di seluruh dunia supaya bersedia untuk pulang ke Amerika Syarikat jika berlaku sebarang kejadian seperti serangan tentera AS terhadap Iraq, adalah untuk rakyat Amerika saja.

"Kita juga terpaksa memikirkan perkara itu jika berlaku perang, menarik keluar kakitangan kita (di kedutaan asing) dan beberapa pelajar di sana (berdekatan Iraq)," katanya sekembali dari lawatan ke Lubnan, Mesir dan Davos di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Subang di sini semalam.

Beliau diminta mengulas tindakan kerajaan bagi menyelamatkan rakyat Malaysia jika tercetus perang. Amerika Syarikat dijangka menyerang Iraq pada pertengahan Februari ini dengan ribuan anggota tenteranya sudah dikerah ke kawasan Teluk.

Jabatan Negara Amerika Syarikat dilaporkan memaklumkan bahawa semua kedutaannya di seluruh dunia sudah diarah memberitahu rakyatnya di negara berkenaan supaya bersedia untuk pulang serta merta berikutan tanda-tanda jelas tindakan ketenteraan mungkin dilancarkan terhadap Iraq.

Dr Mahathir berkata, perang ke atas Iraq jika tercetus memberi kesan minimum terhadap negara ini.

"Tetapi sudah pasti jika kita (rakyat Malaysia) berada berhampiran Iraq, kita harus lebih berhati-hati," katanya.

Sementara itu, mengenai lawatannya ke Lubnan, Dr Mahathir berkata, negara itu khususnya ibu negaranya, Beirut yang dilanda kemusnahan disebabkan peperangan 10 tahun lalu, sudah mengalami satu perubahan dan pembangunan pesat.

"Beirut yang hampir musnah akibat peperangan sudah melalui pembinaan dan pembangunan yang sangat mengagumkan. Terdapat banyak bangunan pencakar langit dan ia sudah pulih sepenuhnya," katanya.

Beliau berkata, Lubnan mahu rakyat Malaysia mengambil bahagian dalam pembinaan semula negara mereka kerana banyak pembangunan yang perlu dilakukan.

Katanya, Lubnan, sebagai satu-satunya di Asia Barat yang bersalji dan mempunyai bandar raya Beirut yang indah, kini semakin terkenal sebagai destinasi pelancongan serta pusat peranginan percutian utama.

"Untuk bermain ski, orang Arab sekarang tak perlu lagi ke Eropah dan Amerika kerana boleh ke Beirut. Ia semakin membangun dan mereka (Lubnan) mahu rakyat Malaysia membina kompleks beli belah serta melakukan

pembinaan
lain," katanya.

Ketika di Kaherah, selain berucap kepada pelajar dan kakitangan Universiti Al-Azhar, Dr Mahathir berkata beliau juga mengadakan perbincangan mendalam dengan Presiden Mesir Hosni Mubarak.

Perdana Menteri berkata beliau juga menjemput Mubarak melawat Malaysia.

Di Davos, Dr Mahathir yang menghadiri empat sesi Forum Ekonomi Dunia (WEF), berkata beliau telah menyatakan pandangan Malaysia mengenai keganasan dan keganasan Islam.

"Secara keseluruhannya, saya rasa di Davos kali ini, kita dapat menjelaskan dan membetulkan tanggapan yang salah mengenai keganasan dan keganasan Islam.

"Dan pada masa yang sama memberitahu mereka bahawa menyerang Iraq tidak akan membantu dan apa yang mereka lakukan dalam memerangi keganasan telah menjadikannya semakin buruk," katanya.